

PRIME NUTMEG MEDICATED OINTMENT

Nutmeg oil / Menthol / Camphor / Eucalyptus Oil (21% w/w / 5% w/w / 5% w/w / 12% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Prime Nutmeg Medicated Ointment*
2. Bagaimana *Prime Nutmeg Medicated Ointment* berfungsi
3. Sebelum mengguna *Prime Nutmeg Medicated Ointment*
4. Cara menggunakan *Prime Nutmeg Medicated Ointment*
5. Semasa menggunakan *Prime Nutmeg Medicated Ointment*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Prime Nutmeg Medicated Ointment*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Prime Nutmeg Medicated Ointment*

Ia digunakan untuk sementara melegakan sakit ringan akibat sakit otot, terseliuh dan kejang otot.

Bagaimana *Prime Nutmeg Medicated Ointment* berfungsi

Ia mengandungi minyak buah pala yang mempunyai kesan ringan rubefacient. Ia juga mengandungi menthol yang memberikan rasa sejuk dan seterusnya mengurangkan kesakitan.

Sebelum mengguna *Prime Nutmeg Medicated Ointment*

- *Bila tidak boleh mengguna*
Jika ada alahan terhadap ramuan-ramuan *Prime Nutmeg Medicated Ointment*.

- *Sebelum mula mengguna*

Penggunaan ubat dihentikan jika iritasi kulit berlaku. Risiko dan kebaikan perlu dipertimbangkan sebelum digunakan untuk ibu mengandung atau menyusukan anak. Keselamatan penggunaan semasa kehamilan dan menyusukan anak belum dipastikan lagi.

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak bawah umur 2 tahun. Berhati-hati apabila digunakan untuk kanak-kanak yang lebih tua.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan *Prime Nutmeg Medicated Ointment*

- *Berapa banyak harus diambil*

Disapu pada bahagian berkenaan.

- *Bila perlu diguna*

Digunakan tiga kali sehari.

- *Berapa lama perlu diguna*

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- *Jika terlupa mengguna*

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- *Jika mengguna berlebihan(terlebih dos)*

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Prime Nutmeg Medicated Ointment*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai. Adalah merbahaya untuk penggunaan produk yang mengandungi camphor terus dalam hidung kanak-kanak. Penggunaan sedemikian boleh serta-merta mengakibatkan keadaan tidak sedar diri walaupun dalam kuantiti yang sedikit.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, jangan gunakan ubat ini kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Menthol boleh memberikan kesan alahan seperti gegatal, memerah dan sakit kepala. Jika berlaku sebarang kesan sampingan menjadi serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Prime Nutmeg Medicated Ointment*

- *Penyimpanan*

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- *Pelupusan*

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Salap separa pepejal berwarna putih.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif: nutmeg oil, menthol, camphor, eucalyptus oil
- Bahan tidak aktif: hard paraffin, white soft paraffin and cetostearyl alcohol

- *Nombor MAL:*

MAL19988549X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/04/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)060417/00058